

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	25 FEBRUARY 2015



Najib melancarkan Rangkaian Penyelidikan Awam Swasta (PPRN) sambil diperhatikan Idris (tiga dari kiri) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]

Tambah dana PPRN komersialkan inovasi

» PM yakin galak lebih banyak PKS manfaatkan hasil R&D akademik

Oleh Magendran Rajagopal
magendran@bh.com.my

Putrajaya

Kerajaan sedia menambah peruntukan dana sepadan bagi membiaya pengkomersialan inovasi terkini menerusi Rangkaian Penyelidikan Awam Swasta (PPRN), kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, beliau yakin usaha itu dapat menggalakkan lebih banyak perusahaan kecil dan sederhana (PKS) memanfaatkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) sektor akademik bagi menghasilkan atau membangunkan produk berinovasi.

Katanya, peruntukan itu tambahan kepada dana sepadan RM50 juta yang beliau sudah luluskan sebagai permulaan atau maksimum RM50,000 bagi setiap projek, yang diumumkan ketika pembentangan Bajet 2015.

"Kita mesti melakukan percambahan aset bagi lebih 90 peratus syarikat tempatan yang boleh disifatkan sebagai PKS dengan memanfaatkan inovasi dan R&D lebih 20,000 ahli akademik serta penyelidik

di institusi pengajian tinggi (IPT) negara.

Perlu kos besar

"Kerajaan sedar untuk menubuhkan unit inovasi, IKS memerlukan kos yang besar dan mereka boleh menggunakan saluran PPRN bagi mencari R&D atau inovasi yang beresuaian, termasuk siapa pakar akademik atau penyelidik yang dapat melakukannya.

"PPRN memberi kelebihan kepada IKS untuk berinovasi, berdaya saing, mendapat hasil yang lebih dan teknologi lebih tinggi manakala sektor akademik dapat mengkomersialkan penemuan mereka. Ini situasi menang-menang bagi kedua-dua pihak," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran PPRN, di sini semalam.

Yang hadir sama, Menteri

Pendidikan Kedua, Datuk Seri Idris Jusoh; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar dan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

Najib berkata, sebagai negara yang mengamalkan ekonomi terbuka, Malaysia berdepan persaingan yang sungguh sengit untuk berjaya dalam persekitaran yang semakin hari semakin memngkat daya saingnya.

Insentif 25 peratus

Sehubungan itu, katanya, perlu ada kesedaran mengenai kekuatan sedia ada dan apa aspek atau ruang yang boleh dilakukan penambahbaikan, malah kerajaan turut memberi insentif 25 peratus kepada ahli akademik atau penyelidik yang menemukan inovasi baharu yang dikomersialkan supaya pembangunan R&D negara berkesinambungan.

"Kita tidak boleh lagi terus bertumpu kepada kegiatan yang bernilai rendah, menggunakan tahap teknologi tidak begitu tinggi dan kurang penggunaan pengetahuan atau teknologi terkini kerana dengan keadaan sebegini, kita terpaksa bersaing dengan menawarkan produk yang kurang unsur daya saingnya pada harga yang rendah.

"Jika kita terus bersaing berdasarkan kepada faktor harga sahaja, menggunakan input yang minimal, maka apa yang akan berlaku ialah kita akan bersaing pada tahap yang agak rendah dari segi pulangan. Sekiranya negara lain dapat kurangkan kos mereka, maka kita akan terpaksa mengurangkan kos kita.

"Dalam keadaan sedemikian sudah tentu pulangan kita semakin berkurangan. Persaingan dalam bentuk sedemikian tidak akan membawa kita kepada apa yang diharapkan iaitu menjana pendapatan tinggi dan merangsang kadar pertumbuhan lebih besar," katanya.